

Tentang DEB ada agenda peribadi

B.# 06/07/07 MS 10

Parti pembangkang gadai keharmonian negara demi raih pengaruh politik



Meniti
Arus

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

INTI PATI

- Kejayaan Malaysia menguruskan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat mengatasi beberapa negara lain yang lebih dulu mencapai kemerdekaan.
- Kejayaan negara menarik minat ramai pemimpin politik asing terutama dari negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum untuk mempelajari cara pentadbiran dan penguurusan ekonomi.
- Penentang pembangkang terhadap DEB lebih kepada menegakkan kepentingan politik, peribadi atau kumpulan dan bukan untuk kepentingan negara.
- Kerajaan mengambil pelbagai langkah bagi menambah baik pelaksanaan DEB sebagai sebuah dasar negara.

negara Merdeka dan berdaulat yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama masih tegak kukuh berdiri seiring dan sejalan dengan ratusan negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Malah negara kini bersiap sedia untuk menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaannya.

Malaysia juga antara negara menikmati taraf hidup yang baik di rantau ini, malah mengatasi beberapa negara lain yang lebih dulu mencapai kemerdekaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa ramai pemimpin politik asing terutama dari negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum mahu mempelajari cara yang digunakan Malaysia dalam pentadbiran dan penguurusan ekonomi.

Hakikat ini bukan rahsia. Ia sudah diketahui ramai, termasuk tokoh politik yang masih berkhidmat dengan kerajaan atau yang pernah berkhidmat dengan kerajaan.

Oleh yang demikian, adalah sukar difahami kenapa parti politik pembangkang seperti Pas dan Parti Keadilan Nasional (PKR) begitu bersungguh-sungguh menentang dasar itu.

Apakah mereka tidak menerima hakikat bahawa orang Melayu dan Bumiputera lain adalah rakyat peribumi negara ini? Apakah mereka menolak kontrak sosial yang dipersetujui pemimpin awal pelbagai kaum?

Oleh kerana penentang DEB yang mewakili parti politik ini tidak memberikan dasar alternatif yang lebih meyakinkan untuk menggantikan DEB, maka tidak keterlaluan kalau diandaikan bahawa penentangan mereka tidak lebih daripada untuk menegakkan kepentingan politik peribadi atau kumpulan dan bukan untuk kepentingan negara.

PKR, misalnya, begitu bersungguh-sungguh menonjolkan dirinya sebagai sebuah parti pelbagai kaum seolah-olah sudah kehabisan modal untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa ia adil untuk semua kaum.

Pas pula yang sejak beberapa tahun kebelakangan ini begitu kecewa kerana tidak mendapat sokongan rakyat bukan Melayu, mengambil kesempatan daripada penentangan kepada DEB sebagai helah untuk menonjolkan diri sebagai lebih liberal daripada Umno yang dilabel sebagai perkauman.

Jelaslah bahawa PKR dan Pas menentang DEB bukan kerana kepentingan negara, tetapi kerana kepentingan peribadi dan kumpulan.

Seperti yang dijelaskan minggu lalu,

DEB sebagai sebuah dasar negara, tidak ada cacat celanya walaupun dari segi pelaksanaan ia mungkin menghadapi masalah dari semasa ke semasa. Tetapi ini sudah dikenal pasti dan kerajaan sudah pun mengambil pelbagai langkah mengatasinya.

Kalau seperti dijelaskan dari segi pencapaian ekonomi, Malaysia mendahului banyak negara di rantau ini, pencapaian negara juga setanding dengan beberapa negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) terpilih dari segi pendapatan perkapita penduduk dalam tempoh 1990 hingga 2005.

DEB juga tidak menyekat pencapaian ekonomi orang bukan Melayu di negara ini walaupun pelbagai program dan tindakan afirmatif yang diperkenalkan di bawah dasar berkenaan bertujuan membantu orang Melayu.

Seperti yang semua sedia maklum sebahagian besar daripada kekayaan di negara ini masih dikawal oleh orang-orang bukan Melayu, terutama Cina.

Sebaliknya, jika DEB tidak diperkenalkan, apakah Malaysia mampu bertahan hingga sekarang?

Dapatkah sesiapa menjamin bahawa peristiwa pergaduhan kaum seperti yang pernah berlaku pada 1969 tidak berulang jika dasar laissez-faire yang pernah diamalkan selepas Negara mencapai kemerdekaan diteruskan hingga sekarang?

Seperti yang dijelaskan Ye Lin-Sheng dalam bukunya, *The Chinese Dilemma*: "Yet despite the NEP, or because of it, many Chinese have become rich beyond their wildest dreams. Yet these are some of the people who complain the loudest about discrimination. It is hard to convince the non Malays that in their case, the NEP has not disadvantaged them."

Penulis, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara

MINGGU lalu, dalam membincangkan isu penentangan terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB), ruangan ini menyenaraikan beberapa golongan masyarakat yang nampaknya mahu dasar itu dihapuskan. Antaranya termasuk golongan muda bukan Melayu, orang asing dan tokoh politik pembangkang.

Kebimbangan golongan muda bukan Melayu, terutama Cina, yang lontang menggunakan pelbagai laman blog dalam internet untuk menyuarakan kritikan masing-masing boleh difahami kerana mereka mungkin masih terlalu muda untuk memahami sejarah serta latar belakang di sebalik dasar berkenaan yang diperkenalkan selepas Peristiwa 13 Mei 1969. Mereka juga boleh jadi masih berdarah panas dan sukar menerima kenyataan yang wujud di negara ini.

Penentangan orang luar seperti pengulas asing, peniaga dan diplomat juga tidak sukar diterima kerana mereka tidak pernah mencintai negara dan sering memandang remeh kemampuan orang Melayu mentadbir negara atau menguruskan ekonomi mereka.

Seseorang hanya perlu menyingkap kembali pelbagai tulisan negatif yang disiarkan oleh ratusan majalah atau penerbitan asing selepas peristiwa berdarah 1969 atau ketika negara menghadapi krisis kewangan pada 1997/98 dulu.

Kalau ramalan negatif dan berbentuk penghinaan yang ditulis pengulas asing ini tepat, maka Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan pelbagai kaum sudah lama hancur dan berkubur.

Tetapi hakikatnya ialah Malaysia sebuah